

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

**"BUKU AMALAN HB&K BERMANUAL"  
BAGI MEMUPUK HUBUNGAN BAIK DAN KERJASAMA  
DALAM KALANGAN PELAJAR PISMP SEMASA PRAKTIKUM**

**Mohd Richard Neles Abdullah**  
mrichardn33@yahoo.com.my

**Abstrak**

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan membantu empat orang guru pelatih dari segi kemahiran mengamalkan hubungan yang baik dan bekerjasama dengan rakan serta memupuk kemahiran tersebut dalam kalangan murid semasa praktikum. Selain itu, kajian ini bertujuan menambah baik amalan bimbingan saya sebagai pensyarah pembimbing bagi kursus elektif Pendidikan Moral semasa praktikum. Peserta kajian terdiri daripada empat orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester Tujuh. Saya mengumpul data kajian dengan menggunakan senarai semak dan gambar semasa melakukan pemerhatian, borang maklum balas dengan soalan jenis terbuka, dan temu bual. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis kandungan dan pola. Penyemakan data dilakukan melalui triangulasi antara kaedah dan triangulasi sumber. Hasil analisis data mendapati kaedah penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan Hubungan Baik dan Kerjasama (HB&K) Bermanual dan pembacaan kendiri buku tersebut dapat memupuk kemahiran mengamalkan hubungan yang baik dan tingkah laku bekerjasama peserta kajian selain menambah baik amalan bimbingan saya semasa praktikum.

Kata kunci: hubungan baik, pembacaan kendiri, pelajar PISMP, Buku Amalan HB&K Bermanual, bekerjasama, praktikum

**Abstract**

This action research was carried out to help four PISMP students foster good relationship and cooperation skills among colleagues and pupils during practicum. In addition, this study aimed to improve my coaching practices as a Moral Education elective lecturer mentor during practicum. The research participants consisted of four semester 7 PISMP students. The data were collected using check list and photographs during observations, feedback forms with open-ended questions, and interviews. The data collected were analyzed using content and pattern analysis. The checking of data involved triangulation between methods and persons. This study showed that a brief description using *Amalan Hubungan Baik dan Kerjasama (HB&K) Bermanual* and self reading of the book fostered good relationship and cooperation skills of the research participants as well as improved my supervision practices during practicum.

Keywords: good relationship, self reading, PISMP students, *Amalan HB&K Bermanual*, cooperation, practicum

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

## PENGENALAN

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Penyelidikan tindakan (PT) ini dilaksanakan pada semester kedua tahun 2016 iaitu semasa kali kedua saya menyelia dan membimbing pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang menjalani praktikum. Saya mengajar kursus elektif Pendidikan Moral di IPG Kampus Batu Lintang. Pada semester satu bagi tahun 2016, saya telah membimbing 8 orang guru pelatih, manakala pada semester dua pula, saya membimbing seramai 4 orang guru pelatih. Keseluruhananya terdapat enam buah sekolah yang dilawati oleh saya untuk sesi penilaian dan bimbingan guru pelatih Praktikum Fasa Tiga. Pelajar saya terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang. Ketika saya melaksanakan sesi penilaian dan bimbingan pada 18 Ogos 2016, saya mendapati seorang guru pelatih yang diselia lemah dari segi interaksi *interpersonal* ketika melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersama murid-murid. Begitu juga semasa aktiviti bekerjasama dalam kumpulan bersama dengan guru-guru *senior* di sekolah. Manakala 3 orang yang lain turut mempunyai kecenderungan masalah yang sama. Dengan kata lain, seorang guru pelatih ini (Endi – nama samaran) suka menyendiri, tidak suka serta tidak selesa ketika melibatkan diri dalam aktiviti kerjasama dalam kumpulan rakan guru dan kurang mesra dengan murid-murid semasa sesi PdP. Selain itu, dia juga suka mengkritik rakan sekerja dalam kalangan guru *senior* dalam perbualannya termasuk dengan saya. Kecenderungan yang sama juga diperhatikan bagi 3 orang guru pelatih yang lain.

### Fokus Kajian

Daripada refleksi berkenaan, saya telah mengesan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjalani praktikum tersebut. Saya juga mengesan kelemahan diri sendiri semasa sesi bimbingan. Teknik yang saya gunakan semasa membimbing guru pelatih mungkin tidak sesuai atau tidak mencukupi menyebabkan pelajar yang suka mengkritik dan mementingkan diri tidak dapat mengamalkan hubungan yang baik dan bekerjasama secara aktif ketika aktiviti dijalankan bersama rakan sekerja dan murid-murid. Tingkah laku negatif ini menyebabkan hubungan dengan guru-guru *senior* dan sesi PdP menjadi hambar.

Masalah ini berlaku mungkin disebabkan mereka tidak didedahkan dengan kemahiran asas ilmu hubungan manusia yang baik. Kedapatan guru pelatih yang tidak didedah dengan kemahiran bersosial kerana lahir daripada latar belakang keluarga yang kurang berpelajaran, bermasalah atau tidak bergaul dengan masyarakat setempat. Selain itu, saya kurang empati terhadap kehendak semua guru pelatih yang seharusnya diberi penghargaan, rasa diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap sekolah di mana mereka berpraktikum. Saya juga kurang menyediakan sesi bimbingan yang menyeronokkan dan membuka minda guru pelatih.

Bagi mengatasi masalah ini, saya telah cuba mendedahkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran asas hubungan manusia yang baik. Guru-guru pelatih perlu memahami kepentingan kemahiran asas hubungan sesama manusia.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Seterusnya, kelemahan saya dalam berempati dengan guru pelatih yang *suka mengkritik dan mementingkan diri* dan kurang memberi penghargaan perlu diatasi dengan kaedah yang sesuai agar mereka dapat merasa dihargai, diterima dan memiliki rasa kekitaan terhadap sekolah tempat mereka menjalani praktikum. Oleh itu, saya menggunakan kaedah penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan Hubungan Baik dan Kerjasama (HB&K) Bermanual dan pembacaan kendiri buku tersebut dalam membantu guru pelatih berkenaan. Saya mengharapkan kajian ini mencapai matlamat bagi memupuk kerjasama dalam aktiviti kumpulan dan interaksi *interpersonal* serta kemahiran hubungan manusia dalam kalangan guru pelatih semasa praktikum khususnya untuk seorang guru pelatih yang suka mengkritik dan mementingkan diri dan 3 orang guru pelatih elektif Pendidikan Moral yang lain.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- membantu empat orang guru pelatih mengamalkan hubungan yang baik dan bekerjasama dengan rakan sekerja serta murid-murid semasa praktikum; dan
- menambah baik amalan bimbingan saya sebagai pensyarah pembimbing semasa praktikum bagi elektif Pendidikan Moral.

### **Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Bagaimanakah kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual memupuk kemahiran mengamalkan hubungan yang baik dan bekerjasama dengan rakan sekerja serta murid-murid dalam kalangan empat orang guru pelatih semasa praktikum?
- Bagaimanakah penggunaan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual menambah baik amalan bimbingan saya sebagai pensyarah pembimbing semasa praktikum bagi elektif Pendidikan Moral?

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Tingkah Laku Hubungan Baik**

Hubungan baik boleh didefinisikan sebagai tingkah laku seseorang individu terhadap individu yang lain secara interpersonal yang memperlihatkan ciri-ciri sifat yang mesra, menghormati, menerima seadanya, empati dan jujur membantu individu lain. Menurut Dra. M. M. Nilam Widayarni (2011) dan Carnegie (2010), hubungan yang baik dan kerjasama menghasilkan rasa kedamaian dan perasaan positif terhadap diri dan dunia. Tiada orang yang berasa selesa dalam situasi kehidupan yang tidak memiliki hubungan yang baik dengan orang lain, bahkan ia boleh menyumbang kepada kemurungan atau depresi. Menurut mantan Presiden Amerika Syarikat iaitu Theodore Roosevelt pula, rahsia kejayaan paling penting adalah tahu bagaimana mahu mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain (Maxwell, 2011).

Kebolehan membina hubungan baik merupakan asas dalam memberi bantuan kepada orang lain atau menerima bantuan daripada orang lain.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Kebolehan ini juga menjadi amat penting dalam kehidupan kita seharian sebagai makhluk sosial demi mencapai kebahagiaan dan kejayaan dalam hidup. Menurut Hans Selye, ahli psikologi terkenal, sebanyak mana kita inginkan penerimaan, begitu juga dengan ketakutan kita kepada kritikan (Carnegie, 2010). Kajian untuk meninjau kemahiran komunikasi interpersonal yang dilakukan terhadap pelajar PISMP di sebuah institusi oleh Tay (2013) mendapati bahawa ianya berada pada tahap sederhana sahaja. Kedapatan tiga aspek yang perlu diambil perhatian ketika menjalin hubungan baik dengan seseorang iaitu menunjukkan tanda perhatian verbal, menjalin kerjasama dan memberikan respon positif seperti pujian dan sokongan.

Berhubung dengan aspek sikap *introvert* dan *extrovert*, kajian Fotion (2000) mendapati ada pelajar yang mempunyai sikap merasakan dirinya adalah orang yang paling hebat dan paling benar (solipsisme). Solipsisme atau merasa paling benar seharusnya dielakkan kerana ia boleh menghapuskan kemungkinan komunikasi. Sekiranya seseorang telah merasa paling benar, mengapa perlunya berkomunikasi untuk bertukar idea dengan orang lain? Individu seperti ini sekiranya berkomunikasipun, hanya akan ingin mengkritik, mengeluh atau mencerca. Orang lain akan dianggap salah jika tidak sependapat dengannya. Oleh itu, solipsisme merupakan tingkah laku yang tidak sepatutnya diikuti jika ingin disenangi oleh orang lain. Falibilisme yang berupa pemahaman bahawa semua orang adalah lebih baik daripada diri sendiri perlu diadaptasi. Falibilisme membuka ruang untuk perubahan dan dialog kerana membina syarat-syarat pertumbuhan gagasan berterusan (Fotion, 2000; Hopkin, 2008).

### **Tingkah Laku Bekerjasama**

Kerjasama didefinisikan sebagai kerja yang dibuat secara bersama-sama dan dengan unsur tolong-menolong seperti melalui aktiviti gotong-royong (Dewan Bahasa & Pustaka, 2007). Dalam Pendidikan Moral, nilai murni kerjasama didefinisikan sebagai usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat. Ianya merupakan amalan yang terpuji dilakukan dalam arena pekerjaan, keluarga, masyarakat dan negara demi mencapai sesuatu kejayaan dan keharmonian bersama. Bahkan, kajian Mohd Richard Neles Abdullah (2014) terhadap beberapa orang guru pelatih PISMP yang introvert mendapati bahawa penggunaan buku motivasi berunsur hubungan manusia berjaya meningkatkan tingkah laku bekerjasama, kemahiran komunikasi interpersonal dan kebahagiaan mereka. Contoh amalan kerjasama di peringkat institusi ialah aktiviti kolaborasi dengan institusi yang lain demi mencapai objektif bersama. Dalam melaksanakan amalan kerjasama ini, situasi menang-menang merupakan perkara asas yang dititikberatkan.

Kita lebih mudah untuk bekerjasama dengan pihak luar apabila mempunyai kemahiran bahasa yang baik (Mohd Richard Neles Abdullah, 2015). Seseorang yang pandai dan bijak berkata-kata mampu menjalinkan kerjasama yang erat dengan semua pihak. Penggunaan bahasa yang lembut dan kata-kata yang indah mampu meyakinkan pihak luar untuk bekerjasama dengan kita. Oleh itu, penggunaan bahasa sangat penting dalam menjalinkan kerjasama dengan

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum


pihak lain. Penggunaan bahasa merupakan salah satu aspek yang penting dalam komunikasi. Apabila kita ingin menarik minat orang lain, kata-kata yang dituturkan perlulah mengikut tahap pendidikan atau latar belakang orang yang kita ingin berinteraksi. Dengan yang demikian, kerjasama yang ingin kita jalankan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.

## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

### Perancangan Tindakan

Kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri menggunakan "Buku Amalan HB&K Bermanual" digunakan dalam kajian ini. Carnegie (2010) dan Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) menyatakan bahawa penerangan ringkas menggunakan buku berkaitan sesuatu bidang ilmu dan pembacaan sendiri sesuatu buku dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu bidang kemahiran atau kandungan pembelajaran. Penggunaan buku "Buku Amalan HB&K Bermanual" dalam kajian ini sememangnya mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan pembacaan kendiri.

"Buku Amalan HB&K Bermanual" merupakan buku yang ditulis oleh saya berdasarkan sorotan literatur, pengalaman autentik dan sintesis kandungan dilakukan untuk mendapatkan prinsip-prinsip asas amalan hubungan manusia (interpersonal) yang utama. Rajah 1 menunjukkan 'Buku Amalan HB&K Bermanual' yang saya gunakan dalam kajian ini.



Rajah 1. 'Buku Amalan HB&K Bermanual'

Buku ini membincangkan dengan bahasa yang agak santai dan disertai dengan tugas di akhir setiap bab amalan HB&K (Hubungan baik dan kerjasama). Secara umumnya, terdapat 10 bab prinsip. Prinsip-prinsip ini merupakan sintesis yang dilakukan terhadap sorotan literatur daripada bahan bacaan yang ditulis oleh pakar-pakar hubungan manusia seperti Carnegie, (2010), Dra. M.M. Nilam Widtarani (2011) dan Maxwell (2011). Buku ini juga merupakan kesinambungan kepada kajian berkaitan dengan pemupukan sikap bekerjasama dalam kalangan pelajar PISMP melalui penggunaan buku motivasi berunsur hubungan manusia (Mohd Richard Neles Abdullah, 2014). Selain itu, prinsip-prinsip ini juga telah mengambil kira prinsip-prinsip asal yang digunakan bagi inovasi Kit HB&K (Mohd Richard Neles Abdullah, 2015). Inovasi 'Buku Amalan HB&K Bermanual' ini merupakan penambahbaikan kepada inovasi Kit HB&K saya.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Prinsip-prinsip tersebut adalah: (P1) Jauhi daripada mengkritik, mengeluh dan mencerca, sebaliknya pilih penyelesaian berbeza, (P2) beri penghargaan yang jujur, (P3) berikan reputasi yang baik kepada orang lain untuk dipenuhi olehnya, (P4) bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain, (P5) senyum, (P6) ingat nama setiap individu, (P7) bersopan-santun dan jadi pendengar yang baik, (P8) bercerita mengenai minat orang lain, (P9) bahagiakan orang lain, dan (10) toleransi jadikan amalan hidup (Mohd Richard Neles Abdullah, 2015).

Rajah 2 menunjukkan halaman kandungan 'Buku Amalan HB&K Bermanual' yang mengandungi 10 bab prinsip.

KANDUNGAN	
Kandungan	iii
Kata Acak-dahuluan Pengarah	v
Semuti Kata Timbalan Pengarah IPG Kampus Batu Lintang	vii
Secebis kata Ketua Jabatan PPK	vii
Secoret bicara Ketua Jabatan JAIPIM	xv
Penghargaan	x
Kata Pendahuluan	xii
Pengenalan Kepada 'Amalan Hubungan Baik & Kerjasama' (HB&K)	1
Prinsip 1: Jauhi Daripada Mengkritik, Mengeluh & Mencerca, sebaliknya Pilih Penyelesaian Berbeza	5
Prinsip 2: Beri Penghargaan Yang Jujur	31
Prinsip 3: Berikan Reputasi Yang Baik Kepada Orang Lain Untuk Dipenuhi Olehnya	41
Prinsip 4: Bersungguh-sungguh Menaruh Minat Pada Orang Lain	48
Prinsip 5: Senyum	58
	iii
Prinsip 6: Ingat Nama Setiap Individu	67
Prinsip 7: Bersopan-santun dan Jadi Pendengar Yang Baik	79
Prinsip 8: Bercerita Mengenai Minat Orang Lain	86
Prinsip 9: Bahagiakan Orang Lain	93
Prinsip 10: Toleransi Jadikan Amalan Hidup	103
Bibliografi	111
Indeks	112
Mengenai Penulis	114
Manual Penggunaan Buku	115

Rajah 2. Halaman kandungan Buku Amalan HB&K Bermanual

Manakala Rajah 3 menunjukkan alaman Manual Penggunaan Buku yang menjadi ciri utama inovasi buku ini selain daripada ciri-ciri isi kandungan buku yang mempunyai elemen-elemen pedagogi abad ke-21. Antara elemen yang terkandung dalam manual penggunaan ini ialah TMK, kolaborasi, komunikasi dan pemikiran kreatif dan inovatif. Pelajar diberitahu dan digalakkan untuk membaca manual penggunaan buku ini terlebih dahulu sebelum mula membaca.

MANUAL PENGGUNAAN BUKU	
1. Dorekapan seluruh buku berperca kali, "ketabahanan saya bergantung kepada anda. Saya akan berasa tidak nyaman jika anda tidak memberikan kandungan dan maklumat yang akhirnya sebenarnya anda tidak memberikan." (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'	Halaman 1- 573. Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
2. Dase tetap sebab hasil tindak amaran yang dilakukan dengan baik dan benar serta perbaikan yang dilakukan dengan baik dan benar.	Halaman 79-833. Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
3. Dari tumpuan sepenuhnya ketika membaca dan tanda maklumat penting.	Halaman 79-833. Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
4. Dase berulang kali dan aplikasikan secara konsisten prinsip 1 hingga 10, bukan berulang kali dan aplikasikan secara konsisten prinsip 1 hingga 10, yang aktif. Kita perlu melakukan dan bukan berulang teori semata-mata.	Halaman 79-833. Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
5. Aliran permasalahan pada 'Amalan Hubungan Baik & Kerjasama' (Halaman 1)	Halaman 79-833. Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
a. <b>(1)</b> Bagi pemahaman lebih lanjut, baca artikel penyelidikan tindakan (Mohd Richard, 2014) <a href="http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf">http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf</a>	b. Prinsip 1 (Beri penghargaan yang jujur) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 31 - 40). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
b. Prinsip 2 (Bersungguh-sungguh & mencera, sebaliknya pilih penyelesaian berbeza) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 41 - 47). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'	c. Prinsip 3 (Berkongsi informasi dengan orang lain untuk dipenuhi) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 48 - 54). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
c. Prinsip 4 (Bersungguh-sungguh & menaruh minat pada orang lain) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip	d. Prinsip 5 (Ingat nama setiap individu) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 55 - 61). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
d. <b>(2)</b> Bagi pemahaman lebih lanjut, baca artikel penyelidikan tindakan (Mohd Richard, 2014) <a href="http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf">http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf</a>	e. Prinsip 6 (Bersopan-santun dan jadi pendengar yang baik) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 62 - 68). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
e. Prinsip 7 (Bersopan-santun dan jadi pendengar yang baik) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 69 - 75). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'	f. Prinsip 8 (Bercerita mengenai minat orang lain) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 76 - 82). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
f. Prinsip 9 (Bahagiakan orang lain) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 83 - 89). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'	g. Prinsip 10 (Toleransi Jadikan amalan hidup) yang mengandungi penjelasan serta perbaikan & tugasan aplikasi prinsip (Halaman 90 - 96). Tugasan aplikasi prinsip berdasarkan: (1) Lakonan & (2) Menyerakarkan aplikasi prinsip berdasarkan 'Memori Diari Harian.'
g. <b>(3)</b> Bagi pemahaman lebih lanjut, baca artikel penyelidikan tindakan (Mohd Richard, 2014) <a href="http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf">http://www.ipb.edu.my/sites/jurnal/JurnalAeronauticsResearch/2014/3%20Mohd%20Richard.pdf</a>	h. Anggap buku bermanual ini sebagai pegangan dalam berhubungannya dengan aktiviti praktikal. Presensi Bank Wall Street memastikan bahawa kejayaannya adalah kerana konsistensi dengan apa yang dilakukan

Rajah 4. Halaman Manual Penggunaan 'Buku Amalan HB&K Bermanual'

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Berdasarkan kerangka pemikiran *fabilisme* (semua orang lebih baik daripada saya dalam sesuatu perkara), saya telah menyediakan rancangan tindakan dan melaksanakan tindakan dalam kajian ini. Saya telah mengedarkan empat buah "Buku Amalan HB&K Bermanual" kepada setiap peserta kajian (praktikum fasa 3). Kesemua pelajar yang merupakan sasaran kajian tidak menyedari yang mereka dikaji.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan melalui dua cara, iaitu:

- (1) **Penerangan Ringkas.** Menggunakan 'Buku Amalan HB&K Bermanual' selama 40 minit selepas memberi maklum balas penyeliaan klinikal PdP (praktikum). Pelajar dibimbing pembelajaran mereka berpandukan 'Buku Amalan HB&K Bermanual', dan
- (2) **Pembelajaran Kendiri.** Buku diedarkan secara percuma kepada peserta kajian. Guru pelatih membaca sendiri dan digalakkan menjawab tugas di akhir setiap bab prinsip.

Saya turut menyediakan borang senarai semak sebagai instrumen pemerhatian tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama semasa sesi PdP dan interaksi dengan rakan sekerja senior di sekolah. Pemerhatian pertama dilaksanakan pada sesi bimbingan pertama (18 Ogos 2016 untuk SK Stapok; dan 2 September 2016 untuk SK Garland) sebelum sesi penerangan ringkas menggunakan menggunakan "Buku Amalan HB&K Bermanual" dilaksanakan pada sesi bimbingan kedua pada 27 September 2016 untuk SK Stapok dan 26 September 2016 untuk SK Garland. Pada sesi bimbingan kedua iaitu sesi bimbingan selepas PdP, temu bual mengenai rakan sepraktikum mengenai aspek kemahiran hubungan baik dan bekerjasama rakan dilaksanakan. Sesi ulangan penerangan ringkas menggunakan buku Amalan HB&K Bermanual (kali kedua) dan perbincangan mengenai 10 prinsip asas hubungan manusia turut dilaksanakan.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Peserta Kajian**

Tujuan PT adalah bagi menambah baik amalan pengajaran saya. Kemmis dan McTaggart (1988) (dalam Hopkins, 2008), menyatakan bahawa PT adalah suatu pendekatan bagi menambah baik atau membaiki pendidikan dengan cara melakukan perubahan dan mempelajarinya akibat daripada perubahan tersebut. Konsep asas penting PT ialah, ianya dilakukan secara kerjasama iaitu melibatkan mereka yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan dan ingin membaiki suatu amalan pendidikan. Guru sekolah perlulah fleksibel, berfikiran terbuka dan sedia ikut serta dalam *Lesson Study*. Guru juga perlu membenarkan orang lain memasuki bilik darjahnya untuk bekerjasama, mengadakan perbincangan profesional dan refleksi kumpulan (Chuah, 2014). Penyelidikan ini adalah inkuiri yang berbentuk refleksi kendiri dan dilakukan secara kerjasama oleh peserta dalam situasi sosial yang bertujuan untuk memperbaiki amalan sosial dan pendidikan mereka sendiri.

PT merupakan satu pendedahan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru menjadi lebih sedar

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia mengubah amalan (Ebbutt, 1985). Ini memerlukan guru melaksanakan inkuiri penemuan secara individu serta melibatkan guru-guru lain secara bekerjasama. Oleh itu, saya sendiri merupakan peserta kajian ini untuk menambah baik amalan kendiri sebagai seorang pensyarah pembimbing praktikum.

Berdasarkan pemerhatian awal yang saya perolehi, seorang pelajar (peserta utama) yang berpraktikum di SK Stapok (sekolah samaran) iaitu Endi (nama samaran) dipilih sebagai peserta kajian. Jadual 1 menunjukkan tingkah laku Endi semasa pemerhatian awal saya bagi mengenal pasti peserta kajian ini.

#### Jadual 1

##### *Masalah Tingkah Laku Yang Dikenal Pasti Semasa Menjalani Praktikum (18 Ogos 2016 di SK Stapok)*

<b>Bil</b>	<b>Tingkah laku</b>	<b>Endi</b>
1	Menegur murid-murid dengan cara yang tidak wajar	X
2	Memberi pujian atau penghargaan kepada murid-murid yang berjaya menjawab soalan	
3	Berbual mesra atau menanya khabar dengan murid-murid semasa aktiviti PdP	
4	Sering melemparkan senyuman kepada murid-murid	
5	Mengkritik secara negatif mengenai murid-murid	X
6	Menegur rakan sekerja dengan cara yang tidak wajar	X
7	Memberi pujian atau penghargaan kepada rakan sekerja dalam aspek-aspek tertentu	
8	Berbual mesra atau menanya khabar dengan rakan sekerja semasa di bilik guru atau di mana sahaja	
9	Sering melemparkan senyuman kepada rakan sekerja	
10	Mengkritik secara negatif mengenai rakan sekerja	X

#### **Etika Penyelidikan**

Saya telah mendapat persetujuan dan kebenaran untuk mengedarkan "Buku Amalan HB&K Bermanual" daripada semua guru pelatih elektif Pendidikan Moral termasuk seorang guru pelatih yang merupakan peserta utama dalam penyelidikan ini.

#### **Teknik Mengumpul Data**

Saya menggunakan senarai semak dan gambar semasa pemerhatian, soalan jenis terbuka, dan temu bual bagi mengumpul data kajian ini.

**Senarai semak.** Saya menggunakan senarai semak bagi mencatat maklumat yang diperhatikan seperti tingkah laku seorang pelajar (yang suka mengkritik) semasa menjalankan praktikum. Melalui senarai semak ini, saya juga dapat mengetahui aspek yang perlu dipupuk bagi amalan hubungan baik dan bekerjasama antara guru pelatih di sekolah. Senarai semak juga digunakan untuk melihat perubahan tingkah laku setelah tindakan dilaksanakan.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

**Gambar.** Saya mengambil gambar bagi mengumpul data kajian ini. Gambar-gambar berkaitan telah diambil sepanjang pelaksanaan penyelidikan.

**Soalan jenis terbuka.** Saya turut memberikan soalan jenis terbuka bagi meninjau tingkah laku guru pelatih dan kesan penggunaan "Buku Amalan HB&K Bermanual" selepas penerangan ringkas dan pembacaan kendiri.

**Temu bual.** Penggunaan temu bual untuk mengumpul data PT ini turut diimplementasikan. Ianya merupakan satu kaedah yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk sikap, pemikiran, nilai dan pendapatnya. Temu bual melibatkan perbualan antara saya dengan murid-murid, guru pembimbing dan peserta kajian untuk memperoleh maklumat yang relevan dengan kajian ini. Menurut McNiff (2002), temu bual merupakan satu kaedah yang membolehkan seseorang penyelidik memperoleh maklumat kajian secara mendalam kerana ianya melibatkan hubungan bersemuka secara langsung dengan peserta kajian.

**Borang maklum balas.** Saya mengedar borang maklum balas pada sesi bimbingan ketiga (terakhir) bagi mendapatkan pandangan mereka tentang kesan penggunaan dan cadangan dalam penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual.

### **Teknik Menganalisis Data**

Saya telah meneliti dan membuat semakan kandungan terhadap senarai semak, jawapan bagi soalan jenis terbuka, hasil temu bual dan gambar bagi mengenal pasti masalah serta kesan tindakan terhadap guru pelatih. Di samping itu, saya menggunakan analisis pola persamaan dan perbezaan untuk mengenal pasti kekerapan kelemahan tingkah laku yang menjurus kepada hubungan baik dan kerjasama. Berdasarkan analisis ini, saya dapat mengetahui kelemahan guru pelatih dalam aspek amalan hubungan baik dan kerjasama.

### **Teknik Menyemak Data**

Saya menggunakan dua jenis triangulasi iaitu triangulasi antara kaedah dan sumber bagi menyemak silang data yang diperoleh dalam PT ini. Triangulasi antara kaedah dibuat terhadap maklumat yang diperoleh melalui senarai semak, semakan maklum balas dan temu bual. Maklumat tersebut membolehkan saya melakukan perbandingan kesan tindakan terhadap seorang pelajar (peserta utama) dan 2 peserta lain sebelum dan selepas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual. Pemilihan triangulasi sumber dibuat kerana keimbangan data yang saya semak tidak tepat dan kesahannya dapat dipertikaikan kerana berasaskan pandangan saya semata-mata. Triangulasi sumber dibuat dengan memperoleh pandangan salah seorang pensyarah Jabatan Pendidikan yang berpengalaman dan mengkhusus dalam Kursus Bimbingan dan Kaunseling untuk Kanak-kanak bagi memastikan kesahan data.


Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

## DAPATAN

### Refleksi Dapatan

- Bagaimanakah kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual memupuk kemahiran mengamalkan hubungan yang baik dan bekerjasama dengan rakan sekerja serta murid-murid dalam kalangan empat orang guru pelatih semasa praktikum?

Pada 19 Ogos 2016, saya telah merancang tindakan. Semasa sesi bimbingan praktikum yang kedua di SK Stapok (27 September 2016), saya telah menggunakan kaedah penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual. Saya memulakan sesi bimbingan dengan memberi penerangan ringkas selama 40 minit tentang sepuluh prinsip utama (prinsip hubungan manusia). Setiap guru pelatih diberi sebuah Buku Amalan HB&K Bermanual secara percuma.



Rajah 5. Sesi penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual kepada guru pelatih semasa sesi bimbingan kedua

Sewaktu memberi penerangan ringkas, saya menerangkan prinsip demi prinsip menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual yang saya pegang sendiri, manakala guru pelatih sendiri juga merujuk kepada buku sama yang telah diagihkan kepada mereka. Saya turut memberikan contoh tindakan bagi setiap prinsip melalui sesi penceritaan amalan biasa dalam kehidupan seharian dan semasa menjalani praktikum.

Setelah melaksanakan penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual, saya mendapati peserta kajian mampu memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama semasa sesi PdP dan sosialisasi mereka di sekolah.

Seorang peserta utama kajian dapat mengaplikasi dan memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama yang baik di sekolah semasa praktikum. Begitu juga dengan tiga orang pelajar yang lain. Bahkan, pada sesi penilaian dan bimbingan ketiga, sikap hubungan baik dan bekerjasama semakin jelas dan meningkat. Berdasarkan senarai semak yang dipaparkan pada Jadual 2, didapati peserta utama telah berjaya memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama yang baik di sekolah tempat beliau menjalani praktikum.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

## Jadual 2

### Pemerhatian Tingkah Laku Hubungan Baik dan Bekerjasama Semasa Sesi Penilaian dan Bimbining

Bil	Tingkah laku	Endi
1	Menegur murid-murid dengan cara yang tidak wajar	X
2	Memberi pujian atau penghargaan kepada murid-murid yang berjaya menjawab soalan	X
3	Berbual mesra atau menanya khabar dengan murid-murid semasa aktiviti PdP	X
4	Sering melemparkan senyuman kepada murid-murid	X
5	Mengkritik secara negatif mengenai murid-murid	
6	Menegur rakan sekerja dengan cara yang tidak wajar	
7	Memberi pujian atau penghargaan kepada rakan sekerja dalam aspek-aspek tertentu	X
8	Berbual mesra atau menanya khabar dengan rakan sekerja semasa di bilik guru atau di mana sahaja	X
9	Sering melemparkan senyuman kepada rakan sekerja	X
10	Mengkritik secara negatif mengenai rakan sekerja	

Nota: 4 Oktober 2016 di SK Stapok; 7 Oktober 2016 di SK Garland

Pada 4 Oktober 2016 (SK Stapok) dan 7 Oktober 2016 (SK Garland) (sesi penilaian dan bimbining ketiga/terakhir), saya telah membincangkan sekali lagi dengan guru pelatih mengenai penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual pada bimbining sebelumnya, sama ada ia memberi kesan kepada mereka. Sesi soal jawab dan pemahaman kemahiran komunikasi *interpersonal* dan hubungan manusia yang dihuraikan pada buku tersebut dilakukan. Rakan praktikum mereka masing-masing memberikan respons positif terhadap pelajaran yang diperoleh daripada penggunaan dan pembacaan buku tersebut. Duwwoh yang merupakan peserta kajian memberitahu, "*sangat banyak kemahiran hubungan manusia yang saya tidak tahu sebelum ini mula mengubah kehidupan saya. Saya lebih suka berkawan mesra dan bijak berkomunikasi dengan guru-guru senior dan orang sekeliling sekarang, cikgu!*"

Rajah 6 menunjukkan soalan jenis terbuka yang diisi oleh guru pelatih pada sesi terakhir bimbining.

<p>Buatan jenis terbuka untuk "Wajah Kesan Penggunaan Buku Amalan HB&amp;K Bermanual"</p> <p>Arahan: Tulis beberapa ayat atau kata yang anda suka di bawah:</p> <p>(a) Para pengajar anda, apakah yang mengajar / pembimbing buku Amalan HB&amp;K Bermanual? Terhadap diri anda?</p> <p><i>Dapat mengajar dan bantu dengan baik. Mengajar dengan menyeronokkan. Mengajar dengan mudah. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>(b) Dari teknologi sejarah:</p> <p><i>Banyak yang dapat mengajar dengan baik. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>(c) Buku ini membuat perubahan positif kepada saya. (Tandakan ✓ pada nombor yang betul)</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> 1. Ya <input type="checkbox"/> 2. Tidak <input type="checkbox"/> 3. Tidak pasti</p> <p>(d) Catatan perambahan buku (jika ada):</p> <p><i>Lulusan yang baik dan menyeronokkan.</i></p> <p>Tentara kauh dengan respon dan kejadian anda.</p> <p><i>Menyenangkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>MOHD RICHARD NELES ABDULLAH</p>	<p>Buatan jenis terbuka untuk "Wajah Kesan Penggunaan Buku Amalan HB&amp;K Bermanual"</p> <p>Arahan: Tulis beberapa ayat atau kata yang anda suka di bawah:</p> <p>(a) Para pengajar anda, apakah yang mengajar / pembimbing buku Amalan HB&amp;K Bermanual? Terhadap diri anda?</p> <p><i>Dapat mengajar dan bantu dengan baik. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>(b) Dari teknologi sejarah:</p> <p><i>Dapat mengajar dan bantu dengan baik. Mengajar dengan menyeronokkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>(c) Buku ini membuat perubahan positif kepada saya. (Tandakan ✓ pada nombor yang betul)</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> 1. Ya <input type="checkbox"/> 2. Tidak <input type="checkbox"/> 3. Tidak pasti</p> <p>(d) Catatan perambahan buku (jika ada):</p> <p><i>Lulusan yang baik dan menyeronokkan.</i></p> <p>Tentara kauh dengan respon dan kejadian anda.</p> <p><i>Menyenangkan dan menyeronokkan.</i></p> <p>MOHD RICHARD NELES ABDULLAH</p>
---	---

Rajah 6. Soalan jenis terbuka yang diisi oleh guru pelatih pada sesi terakhir bimbining

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Jawapan pada soalan jenis terbuka guru pelatih seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6 turut menunjukkan respons yang positif.

Saya juga telah melaksanakan temu bual dengan peserta kajian bagi mendapatkan maklum balas tentang tindakan yang diambil dalam kajian ini. Rajah 7 dan Rajah 8 menunjukkan transkrip temu bual antara saya dengan dua orang peserta kajian pada 4 Oktober 2016 dan 7 Oktober 2016.

Saya : Bagaimakah perasaan Endi setelah mengikuti penerangan ringkas menggunakan Buku HB&K yang telah dijalankan pada bulan Julai lalu?  
Endi: Prihatin dengan kemahiran hubungan antara manusia, cikgu.  
Saya: Adakah buku ini memberi kesan kepada Endi dalam melaksanakan praktikum di sekolah?  
Wanna: Pastilah, Cikgu.  
Saya: Apakah kesannya?  
Endi: Lebih faham kebiasaan manusia. Juga menjadikan saya lebih bijak dan dapat menggembirakan rakan-rakan sekerja. Memuji rakan-rakan sekerja menyebabkan saya senang didekati berbanding dulu, Cikgu.  
Saya: Dulu sebelum saya bagi penerangan ringkas dan Buku Amalan HB&K Bermanual pada awak, awak tahu tentang kemahiran asas hubungan manusia?  
Wanna: Blurr, Cikgu. Sekarang baru saya faham yang manusia ni merupakan beremosi. Buku ni sangat baguslah Cikgu. Terima kasih hadiahkan pada saya. (sambil memberikan senyuman manis)

#### Rajah 7. Temu bual dengan Endi (4 Oktober 2016)

Saya : Bagaimakah perasaan Duwwoh setelah mengikuti penerangan ringkas menggunakan Buku HB&K yang telah dijalankan pada bulan Julai lalu?  
Duwwoh: Seronok berhubung dengan rakan-rakan sekerja dan murid-murid. Kini saya lebih peka bagaimana nak berinteraksi dengan manusia, Cikgu.  
Saya: Adakah buku ini memberi kesan kepada Endi dalam melaksanakan praktikum di sekolah?  
Duwwoh: Memanglah, Cikgu. Sangat-sangat membantu saya. Saya sudah bijak dan mahir bekerjasama dengan rakan sekerja. Bahkan dengan rakan dan keluarga Cikgu.  
Saya: Apakah kesannya?  
Duwwoh: Bijak menangani berinteraksi yang sebelum ni saya sangat lemah. Sekarang saya suka berkumpul dengan sesiapa sahaja. Dulu saya kera sumbang Cikgu. Hehe... Buku ini banyak mengubah pandangan saya terhadap sesiapa sahaja Cikgu. Terima kasih dengan pemberian buku ni, Cikgu.  
Saya: Dulu sebelum saya bagi penerangan ringkas dan Buku Amalan HB&K Bermanual pada awak, awak tahu tentang kemahiran asas hubungan manusia?  
Duwwoh: Sikit-sikit tu tau la Cikgu. Tapi... syukur, saya sekarang banyak belajar daripada buku ni khasnya hal ehwal menangani manusia. Saya lebih yakin diri semasa di khalayak ramai sekarang Cikgu.

#### Rajah 8. Temu bual dengan Duwwoh (7 Oktober 2016)

Melalui temu bual, peserta kajian didapati telah berjaya memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama semasa praktikum di sekolah khasnya dan sosialisasi mereka di dalam masyarakat amnya. Keempat-empat orang peserta mengatakan bahawa penggunaan Buku Amalan HB&K telah memudahkan mereka memahami dan mengaplikasikan asas hubungan manusia yang baik semasa menjalani praktikum. Peranan mereka sebagai kakitangan sekolah semasa berpraktikum dilaksanakan dengan sempurna dan yakin.

Daripada pemerhatian, jawapan kepada soalan terbuka, analisis senarai semak dan temu bual, dapatlah dikatakan bahawa Endi (peserta utama), Duwwoh, Tarruh dan Mepat telah mampu memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama mereka semasa praktikum di sekolah. Mereka kelihatan seronok, lebih yakin dan selesa menjalani praktikum berbanding sebelum ini.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Secara keseluruhannya, kaedah penggunaan Buku Amalan HB&K dapat membantu peserta kajian memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama semasa praktikum terhadap murid-murid dan rakan-rakan sekerja (Rajah 9).



Rajah 9. Gambar-gambar memperlihatkan penambahbaikan tingkah laku guru pelatih semasa praktikum (kiri) dan keseronokan murid-murid dengan tingkah laku prihatin guru pelatih

- **Bagaimakah penggunaan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual menambah baik amalan bimbingan saya sebagai pensyarah pembimbing semasa praktikum bagi elektif Pendidikan Moral?**

Sebagai seorang pensyarah, saya mengetahui beberapa kaedah dan teknik bimbingan praktikum secara teori, bahkan mempunyai pengalaman dari segi praktikal. Saya pernah mengaplikasikan kaedah-kaedah ini semasa penyeliaan, penilaian dan bimbingan guru pelatih praktikum. Walau bagaimanapun, kadang-kala saya mengambil mudah kaedah dan teknik membimbing guru pelatih yang menjalani praktikum. Semasa menyelia, menilai dan membimbing guru pelatih semasa praktikum bagi elektif Pendidikan Moral, saya beranggapan ianya mudah dan para guru pelatih dapat mengamalkan hubungan baik dan bekerjasama dengan murid-murid dan rakan sekerja tanpa sebarang masalah. Namun, peserta kajian saya didapati tidak dapat menjalin hubungan baik dan bekerjasama dengan sewajarnya dengan rakan sekerja dan murid-murid serta tidak dapat mengamalkan komunikasi *interpersonal* dengan baik.

Berikut itu, saya telah menggunakan kaedah penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual agar mereka dapat mengamalkan hubungan baik dan bekerjasama dengan baik. Ini merupakan suatu penambahbaikan amalan bimbingan saya sebagai seorang pensyarah elektif Pendidikan Moral khasnya. Menurut McNiff (2001), PT membolehkan seseorang penyelidik itu pada dasarnya mengkaji amalan kendiri untuk tujuan menambah baik atau membaiki amalan kendiri. Rajah 10 menunjukkan saya memberi penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual ketika sesi bimbingan kedua pada 18 Februari 2016 kepada salah seorang peserta kajian ini.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum



Rajah 8. Penerangan ringkas menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual semasa Sesi bimbingan kedua (18 Februari 2016)

Saya menggunakan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual bagi membantu guru pelatih memupuk tingkah laku bekerjasama dengan murid-murid dan rakan sekerja. Saya telah membuat sorotan literatur mengenai penggunaan kaedah pembelajaran menggunakan buku. Melalui sorotan ini, saya telah merancang dan melaksanakan kajian ini setelah mengenal pasti buku tulisan Carnegie (2010) dan Dra. M. M. Nilam Widtarani (2011) yang telah berjaya melatih ramai pembbacanya menjadi lebih mahir dalam berhubungan baik dan bekerjasama sesama manusia. Penggunaan buku *self help* telah banyak dijalankan terhadap kursus-kursus di institusi-institusi awam dan swasta di dalam mahupun di luar negara. Bezanya, dalam kajian ini, saya menggunakan buku yang ditulis sendiri berdasarkan sintesis buku-buku hubungan manusia dan pengalaman autentik bagi membantu pelajar memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama dengan rakan sekerja dan murid-murid selepas penerangan ringkas dan pembacaan kendiri dilaksanakan.

Sebelum ini, saya sering membimbing guru pelatih dengan memfokuskan pada kemahiran berkaitan dengan kaedah PdP di dalam bilik darjah sahaja tanpa membimbng mereka ilmu asas hubungan antara manusia. Andaian saya menyebabkan saya mengambil mudah sesi bimbingan semasa menyelia praktikum. Setelah menggunakan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual, saya lebih yakin dan aktiviti bimbingan dijalankan dengan lebih sistematik dan mencapai kejayaan. Para guru pelatih turut menunjukkan keseronokan dan kesungguhan mereka semasa melaksanakan PdP dalam bilik darjah dan bersosial dengan rakan sekerja di sekolah. Ini jelas pada jawapan yang mereka berikan semasa saya mengemukakan soalan "Adakah anda suka dan selesa menjalani praktikum di sekolah?" pada 4 Oktober 2016. Endi menjawab, "Sangat suka, Cikgu. Saya seronok memberi pendapat dan bertukar-tukar pendapat tanpa menyakiti hati rakan sekerja." Duwwoh juga menjawab, "Saya sangat suka menjalani praktikum dan menyertai aktiviti bersama rakan sekerja. Banyak yang saya pelajari daripada Buku Amalan HB&K Bermanual yang cikgu dedahkan pada saya semasa penerangan ringkas. Selepas membaca buku... saya merasa teruja memgamalkan prinsip-prinsipnya. Saya suka berbincang."

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Pada 4 Oktober 2016, rakan sekerta guru pelatih turut ditemui bual oleh saya dengan soalan jenis terbuka "(Cikgu Endi) boleh menjalin hubungan baik dan bekerjasama atau tidak selepas hampir dua bulan menjalani praktikum di sekolah ini Cikgu Ahmad (nama samaran)?" Respons jawapan Cikgu Ahmad terhadap Endi adalah, "*dulu dia senyap. Tak suka bercakap dan suka menyendiri. Kini dia sudah suka beri idea dan berbual mesra. Dia pandai bergaul sekarang.*" Cikgu Christina (nama samaran) pula memberi respons tentang Duwwoh, "*Duwwoh dulunya seorang yang sukar senyum dan kelihatan sompong... kini dia sudah banyak berubah. Dulu tak mahu berbual dengan kami... berat mulut. Kini dia suka bagi cadangan bila bincang hal aktiviti sekolah. Saya suka dia kini.*"

Respons Guru Pembimbing elektif Pendidikan Moral, Puan Munir (nama samaran) terhadap Endi pula ialah, "*dia kini mula boleh bercakap dan memberi cadangan kepada kami. Dia nampak bijak kini. Murah dengan senyuman... tak seperti mula-mula datang dulu... suka menyendiri dan macam sompong jer. Kini Endi, dan Duwwoh seringkali kami nantikan kehadiran. Mereka murah dengan senyuman dan sangat positif. Kadang-kadang kami juga meminta nasihat mereka jika ada masalah.*" Cikgu Zalihah (nama samaran), Guru Pembimbing Pendidikan Moral Duwwoh menambah, "*Dulu Duwwoh ni suka buat hal sendiri-sendiri sahaja... tapi sekarang dia suka membantu. Dia juga menjadi pemberi idea dan penasihat yang baik kepada saya kini. Kadang-kadang saya rasa dia yang menjadi mentor saya, Cikgu (sambil ketawa kecil).*"

Rajah 9 dan Rajah 10 menunjukkan beberapa contoh amalan hubungan baik dan bekerjasama peserta kajian dan pujian oleh guru pembimbing.



Rajah 9. Endi dan Duwwoh mula mengamalkan hubungan baik



Rajah 10. Aktiviti pengajaran kolaboratif yang melibatkan peserta kajian pada 4 Oktober 2016 (selepas tindakan) (kiri) dan Guru Pembimbing (SK Stapok) memuji tingkah laku pelatih (kanan)

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Berdasarkan analisis jawapan kepada soalan jenis terbuka, pemerhatian dan temu bual yang dilaksanakan, penggunaan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual telah berjaya membantu empat orang peserta kajian ini dari segi memupuk tingkah laku hubungan dan bekerjasama dengan baik. Di samping itu, saya telah menambah baik amalan kendiri sebagai seorang pensyarah pembimbing semasa praktikum bagi kursus Pendidikan Moral. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian, mereka sangat bersetuju dengan kaedah penerangan ringkas dan pembacaan kendiri Buku Amalan HB&K Bermanual bagi memupuk tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama mereka semasa praktikum (Jadual 3).

### Jadual 3

*Analisis tema-tema dapatan daripada soalan jenis terbuka terhadap 4 orang guru pelatih (Sesi bimbingan ketiga bertarikh 4 Oktober 2016 (SK Stapok) dan 7 Oktober 2016 (SK Garland)*

(1.) Kesan penerangan ringkas dan pembacaan kendiri menggunakan Buku HB&K Bermanual kepada guru pelatih berpraktikum sebagai individu	(2.) Cadangan penambahbaikan kaedah menggunakan Buku Amalan HB&K Bermanual
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sangat sesuai dipraktikkan dalam kehidupan seharian dan semasa praktikum</li><li>2. Impak positif kepada seluruh golongan masyarakat</li><li>3. Hidup menjadi lebih sempurna kerana memahami tingkah laku manusia</li><li>4. Seronok di sekolah kerana dapat mengelakkan pertelingkahan</li><li>5. Hubungan dengan orang ramai dan keluarga menjadi lebih rapat dan gembira</li><li>6. Memupuk jati diri yang tinggi</li><li>7. memotivasi diri</li><li>8. Mengerat hubungan dengan warga sekolah</li><li>9. Membantu menangani stres dalam kehidupan harian</li><li>10. Membuka mata untuk menghargai dan menikmati kehidupan diberikan Tuhan</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kandungan buku diringkaskan</li><li>2. Ilmu ini disebarluas kepada warga sekolah</li></ol>

Hasil daripada kajian ini, saya mendapat pengajaran bahawa sebagai seorang pensyarah, saya perlu lebih peka akan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Di samping itu, saya perlu menggunakan kaedah dan bahan bantu yang sesuai bagi memastikan anak didik saya dapat mencapai objektif yang digariskan.

### Refleksi Penilaian Tindakan

Penyelidikan yang saya laksanakan ini memberi impak yang positif terhadap tingkah laku hubungan baik dan bekerjasama dalam kalangan guru pelatih yang menjalani praktikum di sekolah, khasnya mereka yang *suka mengkritik dan menyendiri*. Penyelidikan ini juga telah melancarkan sesi bimbingan saya semasa menyelia praktikum.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

Pelbagai kaedah dan teknik perlu diperaktikkan mengikut kesesuaian agar guru pelatih mendapat impak sewajarnya dalam sesi bimbingan dan penyeliaan praktikum. Saya sebagai seorang pensyarah juga perlu mempelbagaikan teknik bimbingan bagi meningkatkan amalan kendiri sebagai seorang pensyarah. Nampaknya, saya berjaya meningkatkan amalan kendiri ketika menjalankan PT di IPG Kampus Batu Lintang. Penyelidikan ini telah memberi kesan yang positif terhadap amalan bimbingan praktikum saya. Saya menyedari bahawa saya ternyata kurang menitikberatkan permasalahan yang dihadapi oleh guru pelatih praktikum sebelum ini. Implikasi PT ini ialah, saya menjadi lebih prihatin dan empati terhadap guru pelatih berpraktikum. Penyelidikan ini juga telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya sebagai seorang pensyarah. Ini termasuklah pelaksanaan PT ini sendiri.

## CADANGAN KITARAN SETERUSNYA

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, saya bercadang untuk meneruskan kajian ke atas para guru pelatih elektif Pendidikan Moral di bawah penyeliaan saya pada tahun hadapan dengan menggunakan tindakan yang sama jika kedapatan pelajar yang *suka mengkritik dan menyendiri*. Bagi penambahbaikan PT selanjutnya, saya akan menggunakan kaedah yang sama, namun strategi penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual dengan lebih efektif seperti meminta guru pelatih melakukan aktiviti/latihan di setiap akhir bab prinsip. Dengan melakukan aktiviti/latihan tersebut, peserta kajian akan lebih memahami bagaimana prinsip-prinsip asas amalan hubungan baik dan kerjasama diamalkan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, sesi bimbingan semasa penyeliaan praktikum melalui penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual telah memberikan kesan positif kepada guru pelatih semasa praktikum. Saya telah berjaya meningkatkan kecekapan sesi bimbingan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran insaniah, keseronokan berpraktikum dan penerimaan oleh guru-guru *senior* di sekolah terhadap guru pelatih yang menjalani praktikum. Melalui penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual, guru pelatih turut dapat meningkatkan motivasi dan tumpuan mereka dalam menjalani praktikum dan kehidupan seharian.

## RUJUKAN

- Carnegie, D. (2010). *How to win friends & influence people*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Chuah, K. H. (2014). Promoting collaborative action research among in-service teacher through Lesson Study: A proposed approach. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL*, 8, 49-57.
- Dewan Bahasa & Pustaka (DBP). (2007). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: DBP.
- Dra. M. M. Nilam Widtarani (2011). *Membangun hubungan antara manusia*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Mohd Richard Neles Abdullah/ "Buku Amalan HB&K Bermanual" bagi memupuk hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar PISMP semasa praktikum

- Ebbutt, D. (1985). Educational action research: Some general concerns and specific quibbles. In R. Burgess. (Ed.) *Issues in educationalresearch: qualitative methods* (ms 142-160). Lewes: The Falmer Press.
- Fotion, N. (2000). *John Searle: Philosophy of language*. United Kingdom: Acumen Publishing.
- Hopkin, D. (2008). *A teacher's guide to classroom research*. Dimuat turun dari <http://www.slideshare.net/malingall/ulasan-buku-edit-2731111>.
- Maxwell, J. C. (2011). *The 21 indispensable qualities of a leader*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- McNiff, J. (2002). *Action research for professional development: Concise advise for new and experienced action researchers*. Dorset: September Books. Dimuat turun dari [http://www.waikato.ac.nz/tdu/pdf/booklets/24\\_AR.pdf](http://www.waikato.ac.nz/tdu/pdf/booklets/24_AR.pdf)
- Mohd Richard Neles Abdullah (2014). Penggunaan buku 'Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain' bagi memupuk kerjasama kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPGK BL*, 8, 25-35.
- Mohd Richard Neles Abdullah (2015). *Amalan hubungan baik & kerjasama (HB&K) resepi kebahagiaan*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Mohd Richard Neles Abdullah (2015). Kit HB&K. *Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Tahun 2015 IPGK BL*, 20-32.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran akses kendiri*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Dimuat turun dari [http://www.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/akses\\_kendiri.pdf](http://www.moe.gov.my/bpk/bsk/bpanduan/akses_kendiri.pdf)
- Tay, M. G. (2013). Komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11, 101-117.